



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 31 JANUARI 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BEKAL ALAT INOVASI BANTU PESAWAH DI KERIAN, NASIONAL, BH -52	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2.	TANAMAN PISANG 'TERENDAM' PENGUSAHA RUGI RM20,000, NEGARA, KOSMO -18	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Bekal alat inovasi bantu pesawah di Kerian

Parit Buntar: Jabatan Pertanian Daerah Kerian, dijangka akan membekalkan pesawah dalam membekalkan alatan inovasi bagi membolehkan mereka mengambil tanaman padi yang tidak dapat dituai jentera pada musim ini.

Pegawainya, Ridhuan Othman, berkata pihak jabatan boleh membekalkan peralatan terbabit iaitu mata pemotong rumput bulat beserta penepis khas bagi membolehkan padi yang dimesin terkumpul pada satu tempat.

Menurutnya, cara itu lebih efektif dan berkesan berbanding dengan kaedah tradisional.

"Pihak jabatan tiada masalah membekalkan peralatan berkenaan kepada pesawah yang terkesan dengan kejadian tanahjerlus yang masuk musim keempat di daerah Kerian.

"Peralatan khas diubahsuai itu dianggarkan berharga kurang daripada RM30 dan kita tiada masalah untuk membantu.

"Jabatan juga mengalu-alukan idea dari mana-mana pihak atau pesawah dalam mencipta peralatan lain bagi memudahkan pesawah mengambil hasil padi mereka yang tidak dapat dituai," katanya ditemui media selepas sesi amali inovasi memotong padi di Parit Haji Yusof, Batu 5, di sini, semalam.

Tanaman pisang 'terendam' pengusaha rugi RM20,000



SEBAHAGIAN tanaman pisang berangan milik Muhammad Amin musnah akibat ditenggelami banjir di Kampung Bantal di Jerantut.

JERANTUT – Baru sahaja melibatkan diri dalam bidang pertanian komersial, seorang pengusaha muda, Muhammad Amin Fakhri Ahmad Sukri, 27, mula berhadapan cabaran apabila tanaman pisang berangan diusahakannya musnah ditenggelami banjir di Kampung Bantal, Ulu Tembeling dekat sini.

Muhammad Amin Fakhri berkata, kawasan tanaman pisang berangan yang terletak kira-kira 100 meter dari Sungai Tembeling itu ditenggelami air sedalam enam meter selama tiga hari sejak banjir bermula pada 26 Januari lalu.

"Saya tidak sangka air naik mendadak pada waktu malam sehingga menenggelamkan 3,000



ISU SETEMPAT

pokok pisang berangan yang ditanam di kawasan seluas dua hektar sejak pertengahan bulan September tahun lalu.

"Lantaran air Sungai Tembeling naik begitu pantas kami tidak mampu berbuat apa-apa hanya reda dengan keadaan musibah ini, saya rugi RM20,000," katanya di Kampung Bantal di sini semalam.

Kata Muhammad Amin Fakhri, ketika air Sungai Tembeling melimpah ke kampung itu pada pukul 11 malam empat hari lalu, dia sudah menjangka projek tanaman pisang berangannya akan tenggelam sepenuhnya memandangkan kawasan itu berdekatan sungai.

Muhammad Amin Fakhri berkata, keadaan itu boleh menyebabkan pokok pisang terkena penyakit dan membantut ketinggian pokok, manakala selebihnya reput dan mati.

"Saya keluar belanja banyak untuk beli benih pokok, baja, racun rumpai termasuk pengurusan membuat pagar tanaman serta pondok tempat menunggu juga runtuh akibat ditebak (ditolak) arus air yang kuat," jelasnya.